

AKTIVITI *BLOGGING* DAN KANDUNGAN BLOG SOSIOPOLITIK SEBELUM DAN SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM KE-12: SATU ANALISIS

SYAMSUL ANUAR ISMAIL & HASMAH ZANUDDIN

ABSTRACT

This study measured the Malaysian blogging activities within the political online public sphere before and after the last election. Three Malaysian socio-politics blogs were chosen in this study, that is by Datuk Abdul Kadir Jasin (*The Scribe A Kadir Jasin*), Ahirudin Attan (*Rocky's Bru*), and Datuk Ruhanie Ahmad (*Kudakepang*). The blogs were chosen using Alexa.com and Technorati.com search engine based on the count of traffics and the amount of blogs linked. The blogs were content analysed. Result of the study shows an increment of blog activities after the election compared to before the dissolution of parliament announcement on 13 February 2008. The study also found out that blog readers were more proactive to give comments and express their thought more on political issues compared to socio-economics issues. Overall, this study shows that blogs were gaining popularity and successful in creating a public sphere. Blogs injected a new dimension of public space and created a political awareness among Malaysian internet users. Blogs usage were not limited to informations searching solely but empowered them to voice out and discuss online issues that matters to the publics.

Keywords: blog, blogging, general election, content analysis, Internet

PENGENALAN

Sejak awal kemunculannya, Internet telah diiktiraf sebagai medium bebas dalam talian yang menawarkan ruang yang lebih luas kepada orang ramai untuk berkomunikasi dengan penglibatan massa yang lebih demokratik. Ciri interaktiviti Internet menjadikannya sebagai pilihan utama kepada pengguna untuk berhubung dan berinteraksi. Hari ini para pengguna Internet mula beralih kepada blog untuk memperoleh maklumat, berhubung dan berdiskusi mengenai pelbagai isu semasa. Blog atau weblog merupakan suatu laman web yang memaparkan himpunan entri penulisan dalam susunan kronologi terbalik, menyediakan maklum balas dalam

talian, dikemas kini secara berkala dan mengandungi pautan kepada sumber dalam talian yang lain (Drezner dan Farrell, 2004). Hari ini bilangan blog di seluruh dunia dianggarkan berjumlah 70 juta dengan 120,000 blog baru muncul setiap hari (Sifry, 2007), manakala bilangan entri atau pos yang ditulis oleh blogger dalam blog mereka dianggarkan melebihi 1.2 juta dalam masa sehari.

Bermula hanya daripada satu senarai pautan dan kemudiannya beralih kepada penulisan jurnal dalam talian, blog berevolusi seiring dengan peredaran semasa. Ada yang bersetuju bahawa blog terawal sebenarnya bermula apabila Tim-Benners Lee berjaya membina suatu laman web pada tahun 1991 (Herring, Scheidt, Bonus dan Wright, 2004). Namun begitu definisi blog yang diterima pakai hari ini tidak wujud sehinggalah pada tahun 1996 apabila laman web bertajuk "Scripting News" yang seakan-akan menggunakan format blog buat pertama kalinya dicipta oleh Dave Winer (Nardi, Schiano, Gumbrecht dan Swartz, 2004). Walau bagaimanapun penggunaan istilah weblog atau blog mula digunakan dalam tahun 1997 oleh John Banger bagi merujuk kepada laman jurnal dalam talian (Herring et al., 2004). Tidak lama kemudian, istilah *blogger* mula diperkenalkan bagi merujuk kepada penulis atau penyunting blog.

Miler dan Shepard (2004) bersetuju bahawa blog bermula sebagai satu cara untuk berkongsi maklumat dan minat yang sama dalam kalangan *blogger* dan komuniti dalam talian yang lain. Pada awal kemunculannya, blog hanya dibangunkan oleh mereka yang mengetahui menggunakan *Hypertext Markup Language* (HTML) untuk membina laman web (Blood, 2004). Walau bagaimanapun, tahun 1999 merupakan titik perubahan dalam dunia blog apabila Pyra Labs melancarkan Blogger, sebuah perisian suntingan untuk membangunkan blog secara percuma dan lebih mesra pengguna bagi membolehkan orang ramai membangunkan blog dengan sendiri tanpa memerlukan kemahiran yang tinggi. Kini kerja-kerja untuk membangunkan blog dipermudah lagi apabila orang ramai boleh menghasilkan blog dalam talian dengan lebih mudah, murah dan cepat melalui laman webnya www.blogger.com.

PERNYATAAN MASALAH

Hill dan Hughes (1998) menjelaskan komunikasi adalah suatu bahagian yang penting dalam politik. Menurut mereka bagaimana maklumat berkomunikasi dengan orang awam akan memberi kesan kepada cara mereka melihat kedua-dua proses politik dan isu-isu dasar yang dibincangkan. Menurut Hill dan Hughes lagi, komunikasi politik melibatkan empat aktor utama, iaitu orang awam, media, kerajaan dan kumpulan-kumpulan yang berkepentingan. Media berperanan sebagai saluran utama kepada aktor-aktor ini berkomunikasi. Daripada perspektif media lama, maklumat politik antara media dan orang ramai adalah berbentuk sehalu. Dalam sistem ini, maklumat yang mengalir daripada ahli politik dan kerajaan melalui media disaring terlebih dahulu sebelum sampai kepada orang ramai. Ini bermakna orang ramai hanyalah penerima yang pasif terhadap maklumat politik yang disalurkan.

Walaupun bagaimanapun hari ini Internet telah merevolusikan proses komunikasi politik ini dengan membenarkan maklumat politik mengalir pelbagai hala tanpa halangan. Davis dan Owen (1998) bersetuju bahawa Internet telah digunakan

oleh orang ramai untuk mengakses berita dan informasi politik yang dahulunya kebanyakan maklumat tersebut sukar untuk diperolehi. Kini orang ramai tidak lagi risau akan badan penapis yang akan menyaring terlebih dahulu maklumat dan menentukan bahan berita mana yang sesuai untuk disiarkan kepada umum. Hakikatnya kehadiran Internet telah menyebabkan orang ramai semakin bijak untuk mencari, menyaring dan memilih maklumat yang diperlukan sahaja berbanding dahulu.

Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, komunikasi antara aktor utama dalam komunikasi politik turut berubah. Ahli-ahli politik di Malaysia terutamanya pembangkang memilih blog untuk menyampaikan pandangan mereka mengenai sesuatu isu melalui Internet. Pandangan mereka tidak lagi ditapis, sebaliknya komentar mereka berhubung dengan isu-isu semasa turut dikongsi dengan komuniti dalam talian yang berinteraksi melalui ruangan komen di dalam blog. Pembaca blog bebas untuk bersetuju atau mempunyai pandangan lain berhubung dengan isu yang diutarakan oleh ahli politik berkenaan. Internet dan khususnya blog telah menyediakan forum yang lebih luas dan terbuka kepada orang ramai dan ahli-ahli politik untuk berinteraksi atau berbincang mengenai sesuatu isu tanpa sikit pun melibatkan kelibat mereka secara fizikal. Ciri anonimiti pada Internet telah mendorong orang ramai untuk meluahkan pandangan mereka secara terus terang tanpa merasa takut dan gusar (Frantzich, 2002).

Perbincangan politik dalam komuniti maya mempunyai perkaitan secara langsung dengan konsep “pertimbangan awam” — *public judgment* yang disarankan oleh Yankelovich (1991). Yankelovich percaya bahawa penyelesaian kepada isu tapan media adalah melalui siri dialog secara langsung antara orang awam dengan aktor-aktor politik itu sendiri. Beliau menggunakan terminologi pertimbangan awam untuk merujuk kepada satu bentuk pendapat awam yang mempamerkan sifat yang lebih bertimbang rasa, mencari alternatif-alternatif penyelesaian, di samping perbincangan yang lebih menjurus kepada isu-isu yang lebih tulen dengan mengambil kira pelbagai faktor berbanding dengan cara pungutan suara yang lebih kepada untuk mengukur pendapat umum terhadap sesuatu isu.

Walau bagaimanapun pertimbangan awam yang dicadangkan oleh Yankelovich ini hanya wujud apabila orang ramai melibatkan diri dalam sesuatu isu dengan mengambil kira pandangan orang lain, memahami sesuatu isu yang diutarakan dan membuat pilihan penyelesaian ke atasnya serta boleh menerima kesan-akibat yang akan berlaku hasil daripada pilihan yang dibuat. Pertimbangan awam yang diutarakan oleh Yankelovich sebenarnya menyokong konsep ruang awam (*public sphere*) yang dicadangkan oleh Habermas (1989, 1974). Habermas mendefinisikan ruang awam sebagai suatu ruang dalam kehidupan sosial semasa apabila suatu pendapat umum dapat dibentuk dan dicapai oleh semua lapisan masyarakat. Salah satu elemen penting dalam konsep ini ialah ketiadaan kawalan daripada pihak kerajaan sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap sesuatu perbincangan awam.

Blog merupakan manifestasi kepada konsep ruang awam yang dicadangkan oleh Habermas. Melalui blog orang ramai bebas untuk menyampaikan apa sahaja pandangan mereka terhadap sesuatu isu tanpa sebarang sekatan. Sebagai suatu forum sosial dalam talian, blog juga turut memainkan peranan dalam membentuk pendapat awam mengenai sesuatu isu. Di Malaysia, minat orang ramai terhadap

blog sosiopolitik mula berputik ekoran kritikan Tun Dr Mahathir ke atas kerajaan pimpinan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung dengan isu pembatalan jambatan bengkok Malaysia-Singapura pada April 2006. Beberapa buah blog yang memfokuskan penulisan terhadap isu berkenaan seperti blog Datuk Abdul Kadir Jasin (*The Scribe of Kadir Jasin*), Ahiruddin Atan (*Rocky's Bru*) dan Datuk Ruhanie Ahmad (Kudakepang) mencatatkan peningkatan yang tinggi dari segi bilangan pengunjung di samping komen-komen daripada pembaca *blog* yang menyuarakan pandangan dan perasaan mereka berhubung dengan isu tersebut. Kajian oleh Abu Hassan (2008) menjelang pilihan raya ke-12 yang lalu mendapati generasi muda lebih mempercayai blog dan akhbar dalam talian berbanding dengan media arus perdana yang lain. Blog dan akhbar dalam talian lebih dipercayai oleh mereka kerana dirasakan bahawa maklumatnya lebih terbuka, bebas, saksama dan benar berbanding akhbar dan televisyen.

Secara umumnya penggunaan Internet secara meluas dalam kalangan generasi muda telah memainkan peranan yang signifikan khususnya semasa pilihan raya umum ke-12 yang berlangsung pada 8 Mac 2008. Blog sosiopolitik bukan sahaja dijadikan sebagai media rasmi untuk memperoleh maklumat mengenai isu-isu semasa bahkan juga sebagai saluran ekspresi bagi anak-anak muda untuk menzahirkan pemikiran dan sikap mereka. Maka tidaklah menghairankan apabila keputusan pilihan raya umum baru-baru ini disifatkan oleh penganalisis politik tempatan sebagai gelombang tsunami yang telah mengubah peta politik negara. Kehadiran blog dalam arus politik negara berupaya mengisi lompong maklumat yang wujud akibat daripada kongkongan media arus perdana yang dikuasai oleh kerajaan. Orang ramai yang dahagakan maklumat yang lebih telus dan tepat mula beralih kepada blog sosiopolitik yang lebih bebas dan menawarkan ruang kepada mereka untuk bersuara.

Sebagai fenomena baru dalam politik tanah air, timbul persoalan kepada penyelidik sejauh manakah *blog* sosiopolitik ini berupaya mengekalkan momentum dan popularitinya selepas pilihan raya umum yang lalu. Adakah aktiviti *blogging* dan minat orang ramai terhadap blog ini hanya bersifat sementara yang akhirnya akan luntur seiring dengan perkembangan teknologi Internet. Soalan-soalan kajian lebih khusus yang cuba dirungkaikan dalam kertas kajian ini adalah seperti berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan tahap aktiviti blog sosiopolitik sebelum dan selepas pilihan raya?
2. Adakah tahap aktiviti blog sosiopolitik dipengaruhi oleh kandungan pos blog itu sendiri?
3. Adakah terdapat perbezaan kandungan pos blog sosiopolitik sebelum dan selepas pilihan raya umum yang lalu?

METODE KAJIAN

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis kandungan. Kaedah ini dipilih kerana kesesuaiannya bagi mengukur tahap aktiviti *blog* dan kandungannya sebelum dan selepas pilihan raya umum ke-12 yang lalu. Kajian lepas yang mengkaji mengenai darjah interaktiviti Internet juga turut menggunakan pendekatan analisis kandungan sebagai kaedah kajian mereka (Ghose dan Dou, 1998). Tiga buah blog

sosiopolitik di Malaysia telah dipilih dalam kajian ini iaitu blog Datuk Abdul Kadir Jasin (*The Scribe A Kadir Jasin*), Ahirudin Attan (*Rocky's Bru*), dan Datuk Ruhanie Ahmad (*Kudakepang*). Ketiga-tiga blog ini dipilih menggunakan enjin pencari Alexa.com dan Technorati.com berdasarkan bilangan trafik dan jumlah pautan blog lain dengan ketiga-tiga blog tersebut.

Pos atau entri yang ditulis dalam ketiga-tiga blog berkenaan digunakan sebagai unit analisis dalam kajian ini. Sampel kajian ini terdiri daripada 620 pos yang diambil daripada blog Datuk Abdul Kadir Jasin (*The Scribe A Kadir Jasin*), Ahirudin Attan (*Rocky's Bru*), dan Datuk Ruhanie Ahmad (*Kudakepang*) dalam tempoh enam bulan bermula daripada 13 November 2007 sehingga 12 Mei 2008. Setiap pos yang ditulis oleh *blogger* mengandungi (1) kandungan atau apa yang ditulis oleh *blogger*, (2) tarikh dan masa pos itu ditulis, dan (3) komen daripada pembaca blog ke atas pos yang ditulis. Justeru tiga pembolehubah utama diuji dalam kajian ini ialah (1) kandungan, (2) komen, dan (3) tarikh.

Bagi tujuan analisis, kandungan sesuatu pos dibahagikan kepada dua kategori iaitu politik dan sosioekonomi. Kandungan pos politik meliputi isu-isu yang mempunyai kaitan langsung dengan politik tanah air seperti pembubaran Dewan Rakyat, demonstrasi Hindraf, krisis pelantikan Menteri Besar dan lain-lain lagi. Contoh kandungan pos politik ialah seperti berikut:

Sunday, March 30, 2008

Isu MB Terengganu: "Comedy of Error" Yang Memalukan
A Kadir Jasin

AHMAD Said yang pelantikannya sebagai Menteri Besar Terengganu dianggap "bercanggah dengan perlembagaan" oleh Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi, hari ini mengangkat sumpah jawatan.

Dia berbuat demikian di hadapan Pemangku Sultan, Tengku Muhammad Ismail Tuanku Mizan Zainal Abidin, di Istana Maziah, Kuala Terengganu.

Beberapa hari lampau, Abdullah dengan lantang berkata tindakan melantik orang lain selain daripada Idris Jusoh sebagai Menteri Besar "adalah bercanggah dengan Perlembagaan" – unconstitutiona

Kandungan pos sosioekonomi pula meliputi isu-isu yang tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan politik tanah air sebaliknya berkaitan dengan isu-isu sosial dan ekonomi seperti kehilangan Sharlinie, penggabungan Sime Darby, Golden Hope dan Kumpulan Guthrie, peningkatan harga petrol dunia, dan lain-lain lagi. Contoh kandungan pos sosioekonomi adalah seperti berikut:

Saturday, December 01, 2007

Synergy Drive Merger: Winners and Likely Losers
A Kadir Jasin

MANY debaters have asked me to comment on the completion of the merger of three Permodalan Nasional Berhad's plantation-based companies – Sime Darby Berhad, Golden Hope Berhad and Kumpulan Guthrie Berhad.

I had commented on the subject many times before in this blog as well as in my Other Thots column in the Malaysian Business magazine.

With your indulgence, I would like to post my latest comment on the subject, which appeared in the Oct. 16 issue of the Malaysian Business

Tarikh sesuatu pos dibahagikan kepada dua kategori iaitu sebelum dan selepas pilihan raya. Tempoh sebelum pilihan raya bermula dari 13 November 2007 sehingga 12 Februari 2008. Tempoh selepas pilihan raya bermula dari tarikh pembubaran Dewan Rakyat iaitu 13 Februari 2008 sehingga 12 Mei 2008. Bagi tujuan pengukuran pembolehubah, tahap aktiviti blog diukur berdasarkan bilangan komen pembaca *blog* bagi setiap entri atau pos yang ditulis oleh *blogger* berkenaan, manakala Ujian-t dan ujian Khi-Kuasa Dua digunakan bagi menganalisis data kajian.

Bagi memastikan setiap pos yang dikod mempunyai nilai kebolehpercayaan, satu ujian kebolehpercayaan antara jurukod telah dilakukan menggunakan kaedah *equivalent forms*. Pengkaji telah mengambil 447 pos yang mempunyai kandungan politik dan 173 pos mempunyai kandungan sosioekonomi untuk dikaji oleh kedua-dua jurukod. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 420 pos politik dan 160 pos sosioekonomi telah dikodkan ke dalam kategori-kategori yang sama oleh kedua-dua jurukod tersebut. Keputusan ini menunjukkan kebolehpercayaan untuk pos politik adalah 93 peratus, manakala pos sosioekonomi adalah 92 peratus. Ini menunjukkan kebolehpercayaan untuk kedua-dua kategori pos ini adalah tinggi.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1

Lima pos atau entri blog yang mencatat bilangan komen yang tertinggi

Tajuk Pos/Entri	Kategori	Tempoh	Bil Komen
<i>The Scribe A Kadir Jasin</i>			
Kini Waktu Berterus Terang	Politik	Selepas	170
Abdullah Kecam Dr Mahathir, Ku Li dan Anwar	Politik	Selepas	168
An April Fools Day That Wasn't	Politik	Selepas	119
Kalau Menanggung Biar di Air Keruh	Politik	Selepas	106
Line-up of New Cabinet	Politik	Selepas	103
<i>Kudakepang</i>			
Isu Pengganti Abdullah Badawi: Mahathir Betul Atau Najib Salah?	Politik	Selepas	41
Abdullah Akan Berhenti Dengan Syarat Khairy Jadi Menteri?	Politik	Selepas	40
Abdullah, Berhentilah Serta-Merta	Politik	Selepas	34

Renungan Buat Rakyat Malaysia	Politik	Selepas	33
Pelantikan Ahmad Said Sebagai MB Terengganu Tidak Ikut Perlembagaan, Kata Abdullah	Politik	Selepas	32
<i>Rocky's Bru</i>			
Ah, Kit Siang! : DAP to boycott PAS Menteri Besar	Politik	Selepas	276
Why I didn't walk yesterday?	Sosioekonomi	Sebelum	229
Apology .. to Sultan and Regent	Politik	Selepas	211
Uthayakumar's Singapore interview	Politik	Sebelum	186
Political monsoon in Terengganu	Politik	Selepas	171

Jadual 1 menunjukkan lima pos atau entri blog yang mencatat bilangan komen yang tertinggi daripada pembaca blog. Secara keseluruhan didapati pembaca blog lebih gemar memberi komen ke atas kandungan pos politik berbanding dengan kandungan pos sosioekonomi. Antara isu yang mendapat perhatian mereka ialah desakan ahli UMNO akar umbi agar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meletakkan jawatan sebagai presiden UMNO dan Perdana Menteri ekoran prestasi terburuk Barisan Nasional dalam pilihan raya umum ke-12 yang lalu, krisis "UMNO-Istana" berhubung pelantikan Menteri Besar Perlis dan Terengganu, juga tidak ketinggalan isu yang berlegar di sebelah pihak pembangkang seperti gesaan Lim Kit Siang kepada wakil rakyat DAP agar memulau majlis pelantikan Menteri Besar Perak dan demonstrasi yang dilakukan oleh para penyokong Hindraf di ibu negara.

SK 1 – Adakah terdapat perbezaan tahap aktiviti blog sebelum dan selepas pilihan raya?

Jadual 2:

Ujian-t untuk membandingkan tahap aktiviti blog sebelum dan selepas pilihan raya (n=620)

	Bilangan	Min	S.P	T	p
Sebelum pilihan raya	255	27.99	29.93	2.474	0.014**
Selepas pilihan raya	365	34.95	37.29		

Jadual 2 menunjukkan perbezaan tahap aktiviti blog sebelum dan selepas pilihan raya umum yang lalu. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap aktiviti blog sebelum dan selepas pilihan raya. Kajian mendapati tahap aktiviti *blog* meningkat selepas pembubaran Dewan Rakyat (selepas pilihan raya) berbanding sebelum pembubarannya (sebelum pilihan raya). Ini ditunjukkan melalui peningkatan bilangan komen yang diterima oleh ketiga-tiga

blog berkenaan dalam tempoh selepas pilihan raya (min=34.95) berbanding dengan tempoh sebelum pilihan raya (min=27.99). Penyelidik mengandaikan peningkatan bilangan komen ini mempunyai perkaitan dengan kecenderungan orang ramai untuk memperoleh maklumat dan berkongsi pandangan mengenai isu-isu semasa dalam pilihan raya umum yang lalu dengan para pembaca *blog* yang lain dan juga *logger* berkenaan.

Minat orang ramai untuk turut serta dalam diskusi *blog* ini adalah rentetan daripada keputusan pilihan raya umum yang lalu yang menyaksikan Barisan Nasional gagal memperoleh majoriti dua pertiga di dalam Dewan Rakyat dan kekalahan negeri-negeri yang dikuasainya sebelum ini. Isu-isu seperti desakan ahli UMNO akar umbi agar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melepaskan jawatan sebagai presiden parti dan perdana menteri, krisis ‘UMNO-Istana’ berhubung pelantikan Menteri Besar Terengganu dan Perlis, dan gesaan Lim Kit Siang kepada wakil rakyat DAP agar memulau majlis pelantikan Menteri Besar Perak mendorong pembaca *blog* untuk menyuarakan pandangan mereka berhubung dengan isu-isu tersebut (Jadual 1).

SK 2—Adakah tahap aktiviti *blog* dipengaruhi oleh kandungan pos *blog* itu sendiri?

Jadual 3:

Ujian-t untuk membandingkan tahap aktiviti *blog* mengikut kandungan pos (n=620)

	Bilangan	Min	S.P	T	p
Politik	447	33.79	38.37	1.975	0.049*
Sosioekonomi	173	27.69	21.54		

Jadual 3 menunjukkan perbezaan tahap aktiviti *blog* mengikut kandungan pos. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap aktiviti *blog* dengan jenis kandungan pos. Kajian mendapati pembaca *blog* lebih gemar memberi komen ke atas kandungan pos politik (min=33.79) berbanding dengan kandungan pos sosioekonomi (min=27.69). Kecenderungan pembaca *blog* untuk memberi komen dan ulasan mereka dalam isu-isu yang berkaitan dengan politik berbanding dengan isu sosioekonomi menunjukkan minat yang tinggi terhadap perkembangan politik tanah air. Penyelidik berpendapat kecenderungan ini juga berkait rapat dengan konsep ruang awam yang disarankan oleh Habermas (1974). Sebagai ruang awam dalam talian, *blog* membolehkan orang ramai untuk bebas menyampaikan apa-apa sahaja pandangan mereka terhadap sesuatu isu tanpa sebarang sekatan lebih-lebih lagi yang berkait rapat dengan situasi semasa politik negara.

Jika diteliti dengan lebih mendalam didapati isu-isu semasa selepas keputusan pilihan raya umum yang lalu seperti desakan ahli-ahli UMNO agar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pembentukan Kabinet baru, demonstrasi penyokong Hindraf di ibu negara, konflik ‘UMNO-Istana’ berhubung pelantikan Menteri Besar

di Perlis dan Terengganu, serta gesaan Lim Kit Siang untuk memulau pelantikan Menteri Besar Perak yang baru sedikit sebanyak mempengaruhi para pembaca blog untuk menyuarakan pandangan mereka berhubung dengan situasi politik negara ketika itu berbanding dengan isu sosioekonomi seperti demonstrasi Majlis Peguam berhubung integriti badan kehakiman negara (Jadual 1).

SK 3— Adakah terdapat perbezaan kandungan pos blog sebelum dan selepas pilihan raya umum yang lalu?

Jadual 4

Jadual silang kandungan pos blog sebelum dan selepas pilihan raya (n=620)

Pembolehubah Tempoh	Kategori Kandungan		
	Sebelum pilihan raya	Selepas pilihan raya	Jumlah
Politik	138 (54.1%)	309 (84.7%)	255 (100%)
Sosioekonomi	117 (45.9%)	56 (15.3%)	365 (100%)
Jumlah	225 (100%)	365 (100%)	620 (100%)

Jadual 4 merupakan jadual silang kandungan pos blog sebelum dan selepas pilihan raya. Hasil ujian Khi-Kuasa Dua menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kandungan pos blog sebelum dan selepas pilihan raya ($\chi^2 (620) = 69.599, dk=1, p=0.000$). Hasil kajian mendapati sebelum pengumuman pembubaran Dewan Rakyat (sebelum pilihan raya), kandungan pos politik di ketiga-tiga blog yang dikaji berjumlah 138 pos berbanding dengan kandungan pos sosioekonomi yang berjumlah 117 pos. Selepas pilihan raya kandungan pos politik di ketiga-tiga blog berkenaan meningkat sebanyak 30.6% menjadi 309 pos, manakala kandungan pos sosioekonomi menurun kepada hanya 56 pos (15.3%).

Peningkatan kandungan pos politik berbanding dengan kandungan pos sosioekonomi ini mempunyai perkaitan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku rentetan daripada keputusan pilihan raya umum yang lalu seperti desakan ahli-ahli UMNO agar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melepaskan jawatan presiden parti dan Perdana Menteri, konflik 'UMNO-Istana' berhubung dengan pelantikan Menteri Besar di Perlis dan Terengganu, gesaan Lim Kit Siang untuk memulau pelantikan Menteri Besar Perak yang baru dan lain-lain isu lagi (Jadual 1). Pada pendapat penyelidik, hakikat sebenarnya *blogger-blogger* berkenaan hanyalah memanjangkan semula isu-isu yang pernah diberi liputan oleh media arus perdana kepada pembaca blog untuk dibuat ulasan dan komentar. Secara kebetulan, isu-isu politik ini pula lebih diberi perhatian oleh akhbar dan televisyen berbanding dengan isu-isu sosioekonomi yang cuba ditenggelamkan oleh mereka.

RUMUSAN

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, hasil kajian mengenai tahap aktiviti blog dan kandungan blog sosiopolitik sebelum dan selepas pilihan raya umum yang lalu dapatlah dirumuskan seperti berikut:

- Kecenderungan orang ramai khususnya komuniti dalam talian terhadap blog semakin meningkat selepas pilihan raya umum ke-12 yang lalu terutama dalam membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan politik negara.
- Sebagai ruang awam dalam talian, blog sosiopolitik di Malaysia muncul sebagai forum sosial yang berjaya meraih penyertaan komuniti dalam talian yang tinggi dalam menyuarakan pandangan mereka berhubung dengan isu-isu semasa negara.
- Kajian ini juga menunjukkan pembaca blog lebih gemar untuk menyuarakan pandangan dan memberi ulasan berhubung dengan isu-isu politik berbanding dengan isu sosioekonomi negara.
- Pemilihan kandungan pos oleh *blogger* juga turut dipengaruhi oleh peristiwa-peristiwa yang berlaku di samping liputan yang diberikan oleh pihak akhbar dan televisyen arus perdana. Para *blogger* hanya memanjangkan isu-isu berkenaan melalui komentar dalam blog-blog mereka dan menerima maklum balas berupa komen dan pandangan daripada pembaca blog.

RUJUKAN

- Abu Hassan Hasbullah. 2008. Pilihan raya umum Malaysia ke-12: pengaruh kepercayaan terhadap media dan kesannya terhadap bentuk dan corak pengundian malaysia – tumpuan pada kumpulan responden 21-41 Tahun (Mac, 2008). www.zentrum.uni.cc/
- Blood, R. 2002. *The Weblog Handbook*. Cambridge, MA: Perseus Publishing.
- Davis, R. & D. Owen. 1998. *New Media and American Politics*. New York: Oxford University Press.
- Doug Bedell. 2000. Weblogs are alternative voices, offering entry into online world. *San Diego Union-Tribune*, May 16.
- Drezner, D., & H. Farrell. 2004. *The power and politics of blogs*. Proceedings of the annual meeting of the American Political Science Association. Chicago IL: American Political Science Association. September. archive.allacademic.com/publication/getfile.php?file=docs/apsa_proceeding/2004-08-18/30340/apsa_proceeding_30340.PDF&PHPSESSID=d99a266b9d5b3aa8aad8c907a2cdbf1e (Retrieved November 30, 2007)
- Frantzich, S. E. 2002. *Cyberage Politics 101: Mobility, Technology and Democracy*. New York: Peter Lang Publishing Inc.
- Ghose, S. & W. Dou. 1998. Interactive functions and their impacts on the appeal of Internet presence sites. *Journal of Advertising Research*, 38(2), 29-43.
- Habermas, J. 1974. The public sphere: An encyclopedia article. *New German Critique*, 3(Autumn), 49-55.
- Habermas, J. 1989. The public sphere. In *Jurgen Habermas on Society and Politics: A Reader*, ed. S. Seidman, hal. 231-236. Boston: Beacon Press.

- Herring, S.C., L.A. Scheidt, S. Bonus, & E. Wright. 2004. *Bridging the gap: A genre analysis of weblogs*. Proceedings of the Thirty-seventh Hawaii International Conference on System Sciences (HICSS-37). Los Alamitos: IEEE Press. www.blogninja.com/DDGDD04.doc. (Retrieved March 18, 2008)
- Hill, K. A. & J. E. Hughes. 1998. *Cyberpolitics: Citizen Activism in the Age of the Internet*. New York: Rowman & Littlefield Publishers, Inc.
- Miller, C.R. & D. Shepherd. 2004. *Bloggng as Social Action: A Genre Analysis of the Weblog. Into the Blogosphere: Rhetoric, Community, and Culture of Weblogs*. L. Gurak, S. Antonijevic, L. Johnson, C. Ratliff, and J. Reyman (Eds.). blog.lib.umn.edu/blogosphere/bloggng_as_social_action_a_genre_analysis_of_the_weblog.html (Retrieved March 9, 2008)
- Nardi, B. A., D. J. Schiano, M. Gumbrecht, & L. Swartz. 2004. Why we blog. *Communications of The ACM*, 47(12), 41-46.
- Sifry, D. 2007. *The State of the Live Web, April 2007*. www.sifry.com/alerts/archives/000493.html (Retrieved March 9, 2008)
- Yankelovich, D. 1991. *Coming to Public Judgment: Making Democracy Work in a Complex World*. Syracuse. New York: Syracuse University Press.